

20 NOV 1999

Daim-Yakin

BN YAKIN KEKALKAN KERUSI PARLIMEN MERBOK

SUNGAI PETANI, 20, Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) yakin dapat mempertahankan kerusi Parlimen Merbok dan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) di bawahnya iaitu Bukit Selambau, Gurun dan Tanjung Dawai dalam pilihan raya umum ke-10 pada 29 Nov ini.

Calon BN bagi kawasan Parlimen itu, Tun Daim Zainuddin berkata keyakinan itu bersandarkan kepada kejayaan kerajaan BN memulihkan ekonomi negara yang membolehkan rakyat menikmati kemakmuran.

"Saya yakin BN tidak akan menghadapi masalah untuk mempertahankan kesemua kerusi itu pada pilihan raya kali ini," katanya kepada pemberita selepas pengumuman nama calon-calon yang bertanding di kawasan itu di sini, hari ini.

Daim, 61, yang juga Menteri Kewangan sekali lagi akan mempertahankan kerusi Parlimen Merbok, yang disandangnya sejak 1982, dan akan dicabar oleh Ketua Pemuda Parti Keadilan (Keadilan) Kedah, Mocktar Mansor.

Pada pilihan raya umum 1995 lalu, beliau menewaskan calon Parti Semangat 46 Tengku Maheran Tengku Mukhtar dengan majoriti 22,201 undi.

Selain daripada kerusi Parlimen Merbok, DUN Gurun dan Tanjung Dawai akan turut menyaksikan pertandingan satu lawan satu kecuali Bukit Selambau yang akan melibatkan saingan tiga penjuror pada pilihan raya kali ini.

Di DUN Gurun, calon BN yang juga anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Beh Heng Seong, 50, akan dicabar oleh calon PAS Ahmad Abdul Rashid, 48, seorang peguam.

Muka baru yang juga Ketua Wanita Umno Merbok, Rosnah Abdul Majid, 46, dan akan dicabar oleh calon Pas Mohd Yusof Omar, 57, bekas guru di DUN Tanjung Dawai.

Seorang lagi anggota exco Kerajaan Negeri, Datuk V.Saravanan, 56, (BN) akan ditentang oleh Dr Hamdan Mohamed Khalib, 33, (Pas) dan ahli perniagaan B.Kalaichelvan, 35, (Bebas) di DUN Bukit Selambau.

Parlimen Merbok mempunyai 65,148 pengundi berdaftar.

Rosnah yang berpengalaman 20 tahun dalam bidang kewartawanan berkata pemilihan beliau sebagai calon membuktikan pucuk pimpinan negara yang diterajui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghargai sumbangan wanita di negara ini.

"Saya yakin BN akan mengekalkan kerusi DUN Tanjung Dawai...ini bukan kali pertama wanita terpilih di sini, sebelum ini wanita mewakilinya selama dua penggal dari 1986 sehingga 1995 menerusi bekas Ketua Wanita Umno Kedah Rokiah Zainuddin," katanya.

Keyakinan yang sama turut disuarakan oleh Mocktar yang berkata peluang untuk merampas kerusi Parlimen Merbok daripada BN adalah cerah dan menekankan pihaknya akan lebih menumpukan untuk memberi penerangan kepada akar umbi di kawasan itu ketika berkempen.

Sementara itu, Kalaichelvan berkata ini adalah kali pertama dia bertanding dalam pilihan raya dan berhasrat untuk memberi khidmat yang terbaik untuk masyarakat sekiranya terpilih.

-- BERNAMA

MAN PR